

Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan akan sentiasa maju dari segi ekonomi

Fokus tangani isu miskin bandar

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA – Isu kemiskinan bandar, miskin tegar dan penaja kecil akan menjadi fokus serta tumpuan utama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha Mustafa.

Menurutnya, fokus itu penting bagi memastikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sentiasa maju dan sentosa dari sudut ekonomi dan pembangunan.

“Walaupun jumlah (miskin bandar) tak ramai, tapi ia tetap penting untuk ditangani. Selain itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam lawatan ke Labuan tempoh hari turut menekankan supaya Labuan dibangunkan dari segi ekonomi dan destinasi pelancongan.

“Saya yakin dengan kerja berpasukan daripada jabatan, kita akan maju ke depan,” katanya ketika ditemui sebelum menghadiri taklimat bersama pegawai kanan



DR. ZALIHA (kiri) sebelum sesi Taklimat Khas Bersama Jabatan Wilayah Persekutuan dan Agensi di Menara Seri Wilayah, Putrajaya semalam.

Jabatan Wilayah Persekutuan di sini semalam.

Katanya, agenda lain akan diberikan tumpuan termasuk isu pembangunan Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Dalam pada itu, Dr. Zaliha berkata, sempena Tahun Melawat Malaysia 2026, beliau juga mahu tiga Wilayah Persekutuan diberi keutamaan khusus bertepatan usia Wilayah Persekutuan yang akan mencapai usia 50 tahun.

Pada Selasa lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan rombakan Kabinet dan Dr. Zaliha bertukar portfolio beliau daripada Menteri Kesihatan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan).

Dr. Zaliha Mustafa dilaporkan berkata, beliau tetap komited untuk menggalas amanah dan tanggungjawab dalam merangka usaha memajukan dan memakmurkan lagi Wilayah Persekutuan.